



**TEKS PERUTUSAN  
YH. PROF. DATO' DR. MOHAMED SAID BIN MAT LELA  
NAIB CANSOLOR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG  
SEMPENA  
PROGRAM PERHIMPUNAN BULANAN UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG  
BAGI BULAN MAC 2008**

**TARIKH  
ISNIN, 10 MAC 2008**

**MASA  
8.00 PAGI**

**TEMPAT  
ASTAKA, UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

**TEKS PERUTUSAN  
YANG HORMAT PROF. DATO' DR. MOHAMED SAID BIN MAT LELA  
NAIB CANSOLOR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG  
SEMPENA  
PROGRAM PERHIMPUNAN BULANAN UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG  
BAGI BULAN MAC 2008 PADA HARI ISNIN, 10 MAC 2008 DI ASTAKA,  
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG PUKUL 8.00 PAGI**

---

**"KESEDERHANAAN DAN PERBELANJAAN BERHEMAH"**

---

**SALUTASI**

Yang Berusaha Saudara Pengacara Majlis;

Yang Berbahagia Profesor Dr. Sabarudin bin Mohd,  
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa);

Yang Berbahagia Tuan Haji Mustafa bin Ibrahim;  
Pendaftar;

Yang Berbahagia Encik Zainudin bin Othman,  
Bendahari;

Yang Berbahagia Tuan Haji Ruslan bin Che Pee,  
Ketua Pustakawan;

Yang Berbahagia Profesor-profesor, Dekan-dekan  
dan Ketua-ketua Pusat Tanggungjawab;

Yang Berusaha Saudara Salman bin Razeni,  
Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar;

Tuan-tuan dan puan-puan;

Sidang hadirin yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh  
dan selamat sejahtera.

**KATA PEMBUKA**

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dirafakkan ke hadrat Allah Taala, kerana dengan limpah rahmat, izin dan kurnia-Nya, kita dapat sekali lagi bertemu pada pagi yang permai ini. Begitu pantas masa berlalu, dan ditambah pula dengan kesibukan kita, maka tanpa kita sedari, telah hampir separuh bulan Mac kita lalui.
2. Dengan demam Pilihanraya Umum Ke-12 yang telah berakhir, saya berharap kita sekalian dapat kembali menumpukan tumpuan kepada tanggungjawab dan kewajipan untuk memajukan Universiti ini. Sebagai penjawat awam, kita semua mempunyai tanggungjawab yang besar untuk berkhidmat kepada agama, bangsa dan negara. Tanggungjawab ini hendaklah dilaksanakan *without fear or favour* tanpa memihak kepada mana-mana fahaman politik.
3. Walau apa jua suasana dan corak politik selepas selesai proses pilihanraya, kita sebagai penjawat awam perlu meneruskan khidmat dengan penuh dedikasi. Ikrar kita sebagai penjawat awam menghendaki ketaatan dan kesetiaan ditumpahkan kepada Yang Di-Pertuan Agong dan kerajaan yang memerintah.

4. Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada 37 *associates* UMP daripada pelbagai Pusat Tanggungjawab kerana telah melaksanakan tanggungjawab sebagai Pasukan Pemantau Pilihanraya IPTA baru-baru ini. Pasukan Pemantau Pilihanraya ini yang diketuai oleh Profesor Dr. Abdul Jalil bin Borham, Dekan Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni telah memantau proses kempen dan pembuangan undi di lima kawasan Parlimen dan 14 kawasan Dewan Undangan Negeri di Pahang Timur.
  
5. Pepatah Melayu menyebut "Sambil menyelam minum air". Saya mengucapkan syabas kepada pasukan pemantau ini kerana sebahagian dari mereka bukan sekadar membuat pemantauan, tetapi turut mengambil peluang tersebut untuk meneroka ruang penglibatan UMP bersama masyarakat di tempat-tempat yang dipantau pada masa akan datang. Ini adalah manifestasi penghayatan *associates* yang terlibat terhadap Nilai Teras UMP yang kelima iaitu Proaktif Dalam Tindakan.
  
6. Kita juga melakar sejarah pada tarikh 7 Mac 2008 yang lalu apabila Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah menyaksikan penyerahan kerusi ZUMP-3 kepada Saudari Siti Hawa binti Apandi, pelajar Diploma Sains Komputer UMP. Kerusi ZUMP-3 adalah hasil kegigihan para penyelidik UMP dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan hal ini membuktikan komitmen UMP untuk terus memainkan peranan

besar untuk membantu masyarakat, khususnya golongan Orang Kurang Upaya atau OKU melalui penyelidikan, teknologi dan kepakaran yang ada di Universiti ini. Inilah yang kita hasratkan melalui CSF 4 iaitu Akses dan Sosioekonomi dalam Pelan Strategik UMP 2008-2010. Sebagaimana yang telah saya tegaskan dalam Perutusan Tahunan bagi Tahun 2008, penglibatan UMP dalam projek khidmat komuniti atau *university-community engagement* hendaklah dipergiat dan direalisasikan.

7. Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Dengan mukaddimah yang panjang lebar tadi, Insya-Allah, saya akan meneruskan perutusan saya bagi bulan Mac ini yang akan menyentuh topik "KESEDERHANAAN DAN PERBELANJAAN BERHEMAH."

### **PEMBAZIRAN MERUGIKAN ORGANISASI**

8. Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Pendekatan perbelanjaan secara berhemah adalah keutamaan kita pada tahun 2008. Hal ini telah saya tegaskan sebelum ini dan akan terus diberikan penegasan. Kita bukanlah sebuah syarikat swasta yang menjana ratusan juta ringgit keuntungan. Kita bukanlah sebuah perbadanan multinasional yang punya aset dan niaga di sana sini. Kita

hanyalah sebuah Universiti, badan berkanun persekutuan yang menjadi agensi di bawah Kementerian Pengajian Tinggi.

9. Justeru, kita hendaklah sentiasa berhati-hati dan beringat dalam membelanjakan peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kerana peruntukan tersebut melibatkan wang awam. Apa yang telah dibayar oleh pembayar cukai kepada Kerajaan dan disalurkan pula oleh kerajaan kepada kita hendaklah dikembalikan semula kepada rakyat dalam bentuk perkhidmatan, projek dan aktiviti yang bermanfaat.
  
10. Sifat selesa atau *complacent* amatlah merosakkan. Kerana sifat inilah kita cenderung untuk berlebih-lebihan dalam melakukan sesuatu. Kerana sifat inilah kita rasa amat sukar untuk menyesuaikan diri dengan perubahan. Apabila perubahan berlaku, kita cenderung untuk jadi *resistant* walaupun kadangkala perubahan ini amat positif untuk organisasi. Dalam konteks "Memperkukuh Asas, Menjana Kecemerlangan" yang menjadi tema Pelan Strategik UMP 2008-2010, kita sekalian hendaklah bersedia untuk keluar dari kepompong *complacence*. Mulai tahun ini, kita akan membelanjakan wang peruntukan yang ada untuk perkara-perkara yang perlu sahaja.

11. Sebelum saya lanjutkan lagi kupasan mengenai topik ini, marilah kita sama-sama merenung maksud firman Allah Taala dalam Surah al-Fajr ayat 15, 16 dan 17:

”...maka kebanyakan manusia apabila diuji oleh Tuhannya, dengan dimuliakan dan dimewahkan hidupnya, (ia tidak mahu bersyukur tetapi terus bersikap takbur) serta berkata dengan sombongnya: Tuhanku telah memuliakan daku!

Dan sebaliknya apabila ia diuji oleh Tuhannya, dengan disempitkan rezekinya, (ia tidak bersabar bahkan ia resah gelisah) serta merepek dengan katanya: Tuhanku telah menghinakan daku!”

12. Demikianlah gambaran yang telah diberikan dengan jelas oleh Allah Taala mengenai sikap dan ragam manusia yang sentiasa tidak berpuas hati dan enggan mengakui kelemahan sendiri. Apabila ujian dan sedikit kepayahan menimpa sekalipun, sesetengah manusia tetap menyalahkan orang lain. Dalam konteks ini, marilah kita semua di UMP ini menginsafi bahawa peruntukan kewangan yang telah diberikan untuk kita mengurus dan membangunkan Universiti ini adalah amanah besar yang perlu ditadbir dengan sebaik-baiknya.

13. Justeru, pendekatan perbelanjaan berhemah dan jimat cermat menjadi keutamaan mulai tahun 2008. Pengurusan peruntukan kewangan dan perbelanjaan secara berhati-hati akan meningkatkan akauntibiliti dan keberkesanan governan Universiti ini. Dua contoh terbesar yang boleh kita lihat ialah perbelanjaan yang telah dikeluarkan untuk pembayaran bil-bil telefon dan elektrik.
  
14. Pada tahun 2007, kos bil telefon yang dijelaskan oleh UMP adalah berjumlah RM449,645.42. Ini adalah peningkatan hampir RM100,00.000 berbanding tahun 2006 di mana kos bil telefon pada tahun tersebut ialah RM349,587.34. Manakala purata penggunaan elektrik dari segi kos pada tahun 2007 berjumlah RM227,017.51. Ini adalah peningkatan yang besar berbanding RM193,323.50 bagi tahun 2006; RM147,266.96 bagi tahun 2005 dan hanya RM76,654.05 pada tahun 2004.
  
15. Saya percaya bahawa fenomena peningkatan perbelanjaan bagi bil-bil telefon dan elektrik sebagaimana yang dinyatakan tadi dapat dibendung sekiranya kita dapat menggunakan kemudahan-kemudahan ini dengan berhemah. Sebagai contoh, sekiranya bilik kerja kita telah mendapat pencahayaan semula jadi yang secukupnya pada siang hari, maka tidak perlulah lagi kita memetik suis lampu elektrik yang disediakan. Demikian juga halnya dengan para pelajar kita. Setiap penghuni bilik di Kompleks Kediaman Siswa hendaklah bertanggungjawab memastikan suis-suis



lampu dan kipas dimatikan ketika meninggalkan bilik untuk ke kuliah. Begitu banyak wang dapat kita jimatkan jika semua warga UMP mempunyai kesedaran seumpama ini. Dalam tinjauan rambang ke premis Pusat-pusat Tanggungjawab tertentu secara mengejut pada sebelah malam dan hari cuti, saya amat dukacita melihat alat penyaman udara, lampu dan komputer dibiarkan terpasang sedangkan tiada sesiapa pun yang bertugas. Lebih mengejutkan, ada pintu-pintu premis PTJ tertentu yang dibiarkan tanpa berkunci tanpa pengawasan. Siapa yang perlu dipersalahkan sekiranya berlaku kehilangan atau kecurian aset?

16. Sikap-sikap seumpama inilah yang perlu diperangi mulai tahun 2008 ini. Rasa *complacence* telah menghakis sifat tanggungjawab sesetengah daripada kita. Justeru, saya menyeru tuan-tuan dan puan-puan sekalian untuk *back to basics*, kembali kepada asas-asas yang telah sedia terbina. Kita ada visi, misi, falsafah dan nilai-nilai teras yang cukup cantik, cukup komprehensif. Apa yang perlu adalah penghayatan dan pengamalan dalam bentuk gerak kerja dan tindakan.

**BESEDERHANA DALAM BERBELANJA DAN GERAK KERJA**

17. Tuan-tuan dan puan-puan sekalian;

Sifat bersederhana adalah sesuatu yang amat digalakkan oleh agama. Kita dianjurkan supaya bersederhana dalam kehidupan seharian, tutur kata, pergaulan dan perbelanjaan. Sifat kesederhanaan akan membentuk jiwa yang lembut dan hati yang tenteram, jauh daripada sifat riak, takabbur, sombong, hasad dan dengki. Sebagai warga UMP, sifat kesederhanaan ini hendaklah dipancarkan dalam keupayaan mengurus sumber-sumber yang ada dengan cekap dan berkesan.

Renungkanlah maksud sabda Nabi Muhammad S.A.W. yang diriwayatkan oleh at-Tirmizi:

”Sesungguhnya orang yang paling aku kasihi di sisiku ialah seorang mukmin yang keadaannya serba sederhana.”

Hal ini telah ditegur oleh Lembaga Pengarah Universiti dalam mesyuaratnya pada bulan Disember yang lalu. Objektif Majlis Makan Malam sempena Konvokesyen dilihat oleh LPU sebagai tidak jelas dan samar-samar. Yang perlu diraikan adalah para graduan dan anggota

keluarga mereka. Justeru, nafas baru akan diberikan pada program makan malam ini bermula dari Majlis Konvokesyen Ketiga pada tahun ini.

### **KEWAJIPAN YANG PERLU DISEMPURNAKAN**

18. Tuan-tuan dan puan-puan sekalian;

Akauntibiliti adalah antara elemen penting yang perlu dijunjung dan dipertahankan oleh kita sebagai penjawat awam. Apabila hilang akauntibiliti, maka akan terhakislah kepercayaan orang ramai kepada perkhidmatan awam. Justeru, PTJ-PTJ hendaklah mengekalkan tahap akauntibiliti yang tinggi pada setiap masa. Ini adalah amat penting bagi mengelakkan kecurigaan dan keraguan pihak lain terhadap prestasi dan kualiti perkhidmatan yang diberikan. Sifat akauntibiliti itu perlu lahir dalam diri sendiri dan diterjemah dalam keupayaan kita mengurus. Sudah tentulah dalam hal ini, Unit Audit Dalam akan digerakkan dari semasa ke semasa untuk membuat pemantauan.

19. Kata pujangga menyebut, *"Manusia tidak perlu dihukum kerana lupa, tetapi perlu dihukum kerana sengaja lupa."* Baru-baru ini saya telah dapat mengesan dan mengenal pasti masalah dan karenah dalaman di sesetengah PTJ yang perlu ditangani dan dirawat dengan segera. Kita sedia maklum bahawa terdapat seorang ketua di kemuncak hirarki

sesebuah organisasi, baik di peringkat Universiti atau pun di peringkat sesebuah PTJ. Ketua-ketua ini digelar dengan pelbagai jawatan, baik Naib Canselor, Dekan, Pengarah, Pengetua dan lain-lain. Pentadbiran hanya akan dapat dilaksanakan dengan berkesan sekiranya arahan-arahan daripada ketua-ketua ini dipatuhi. Sebagai contoh, pelajar di Kompleks Kediaman mengambil arahan daripada Pengetua. Pengetua Kompleks Kediaman mengambil arahan daripada Dekan Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni. Dekan Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni pula mengambil arahan daripada Naib Canselor. Naib Canselor mengambil arahan daripada Menteri Pengajian Tinggi yang menerima arahan daripada Jemaah Menteri yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri. Itu adalah gambaran penurunan arahan yang berkesan dan itulah yang sepatutnya berlaku.

20. Masalah keingkaran terhadap arahan adalah sesuatu yang amat serius. Lebih mendukacitakan lagi jika ada pegawai dan kakitangan di PTJ-PTJ tertentu yang membelakangkan ketua-ketua mereka dalam membuat keputusan dan menjadikan ketua-ketua mereka sebagai *rubber stamp* sahaja kepada kertas-kertas kerja yang dikemukakan.
21. Ada dua inferensi yang boleh dibuat dalam hal ini. Pertama, sikap dan perangai segelintir pegawai dan kakitangan yang dipengaruhi oleh sifat berpuak-puak yang tinggi hingga menafikan peranan ketua di PTJ mereka.

Kedua, kegagalan segelintir ketua PTJ untuk berperanan secara berkesan dan menyerahkan urusan pentadbiran secara bulat-bulat atau *wholesome* termasuklah perkara-perkara dasar kepada pegawai dan kakitangan bawahan yang sepatutnya melaksanakan arahan, bukannya membuat perancangan. Untuk makluman, perkara ini telah saya kesan dan saya dapati amat serius. Saya telah memanggil beberapa ketua PTJ untuk memberikan penjelasan dan beberapa orang lagi akan dipanggil. Perlu diingat, kita bertanggungjawab terhadap setiap keputusan yang telah dibuat dan setiap dokumen yang telah ditandatangani. Elakkan diri daripada menjadi mangsa keadaan di kemudian hari akibat kecuaiannya diri sendiri. Pasti tuan-tuan dan puan-puan sekalian masih ingat suatu kes yang menggemparkan negara beberapa tahun lepas di mana seorang Ketua Setiausaha sebuah kementerian di peringkat persekutuan telah disabitkan kesalahan akibat penyalahgunaan wang Amanah Ikhtiar berjumlah jutaan ringgit hanya kerana beliau tidak meneliti dokumen yang ditandatanganinya. Kita tidak mahu perkara seumpama ini berulang.

22. Soal akauntibiliti tidak boleh dikompromi. Untuk menjayakan UMP sebagai sebuah Universiti yang cemerlang, kita perlukan *associates* yang dinamik, progresif dan proaktif. Kita perlu *associates* yang jelas hala tuju dan objektif yang hendak dicapai. Kita perlu *associates* yang menghayati visi, misi, falsafah dan nilai-nilai teras UMP. Kerjaya di sini hendaklah dianggap sebagai ibadah, bukan batu loncatan untuk mengaut

keuntungan peribadi dan kumpulan sendiri. Dalam konteks ini Nabi Muhammad SAW pernah bersabda dengan maksud:

”Barangsiapa yang semakin bertambah ilmunya tetapi tiada bertambah hidupnya maka dia semakin jauh dari Allah.”

Cecil de Mille, seorang penulis pernah menyatakan:

”Orang yang berjaya dalam hidup adalah orang yang nampak tujuannya dengan jelas dan menjurus kepadanya tanpa menyimpang.”

### **MANFAATKAN KEKUATAN YANG ADA**

23. Tuan-tuan dan puan-puan sekalian;

Kekuatan akan memancarkan keyakinan. UMP yang kita sayangi ini punya begitu banyak kekuatan. Kekuatan dari segi fizikal, lokasi, struktur program yang ditawarkan dan banyak lagi. Saya sekadar mengingatkan di sini bahawa kita semua hendaklah mengembalikan kekuatan-kekuatan sebagai landasan untuk kita bergerak lebih jauh ke hadapan.

24. Saya telah nyatakan bahawa pada tahun 2010 yang akan datang kita berazam untuk memenangi semula Anugerah Perdana Teknologi Maklumat (Sektor Awam). Kita adalah IPTA pertama yang memenangi anugerah tersebut pada tahun 2003. Kita juga IPTA pertama yang mempelopori pelaksanaan komponen kemahiran insaniah dalam kurikulum pengajian. Saya tidak mahu catatan-catatan kejayaan ini tinggal sebagai sejarah silam. Masanya telah tiba untuk kita bangkit semula. Di peringkat pelajar pula, kita ada program Rakan Siswa atau RAKSI dan saya melihat program ini memerlukan nafas baru dan dijadikan agenda Universiti. Kita telah punya kekuatan, namun kita kadangkala tidak meyakini kekuatan yang ada pada UMP. Kita harus mencari kekuatan baru tanpa mengabaikan kekuatan yang sedia ada. Bapak Sukarno, Pemimpin Revolusi dan Presiden Pertama Republik Indonesia pernah menyatakan:

”Bangsa yang tidak percaya kekuatan dirinya sebagai sesuatu bangsa, tidak dapat berdiri sebagai suatu bangsa merdeka.”

25. Justeru, terpulanglah kepada kita sekalian untuk memanfaatkan kekuatan-kekuatan yang ada ini sebaik-baiknya. Utamakanlah kepentingan Universiti daripada kepentingan peribadi. Apa yang perlu kini ialah kreativiti yang disulam dengan minda yang inovatif bagi menatijahkan

hasil yang efektif. Saya sentiasa percaya bahawa "*kesempatan yang kecil seringkali merupakan permulaan kepada usaha yang besar.*" Daripada impian yang diterjemah kepada usaha, akan lahirlah kejayaan.

## **KATA PENUTUP**

26. Tuan-tuan dan puan-puan sekalian;

Usaha kita kini hendaklah ditumpukan untuk merealisasikan apa yang telah digariskan dalam Pelan Strategik UMP 2008-2010. Sesi penerangan dan *roadshow* mengenai Pelan Strategik UMP 2008-2010 di PTJ-PTJ dan pimpinan badan-badan pelajar akan dilaksanakan oleh Pusat Pembangunan Korporat dan Pengurusan Kualiti. Ini adalah amat penting supaya mesej yang dihasratkan melalui Pelan Strategik UMP 2008-2010 sampai ke peringkat akar umbi untuk difahami, dihayati dan dilaksanakan.

27. *Associates* yang cemerlang adalah mereka yang komited dan *dedicated* terhadap tugas yang diamanahkan. Kita tidak perlu banyak bercakap dan mencanangkan kata-kata kosong di sana sini, sebaliknya buktikan prestasi melalui hasil kerja yang kemas, kompetitif dan berkualiti. Saya mengajak tuan-tuan dan puan sekalian untuk merenung maksud sabda Nabi Muhammad SAW yang diriwayatkan oleh al-Tirmizi:



”Sesungguhnya orang yang sangat aku kasihi dan terdekat padaku di hari kiamat ialah orang yang terbaik budi pekertinya. Dan orang yang sangat aku benci dan terjauh dariku pada hari kiamat ialah orang yang banyak bercakap, sombong dalam percakapannya dan berlagak menunjukkan kepandaiannya.”

Sekian, wabillahi taufiq walhidayah, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.